

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
(SEKIJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.05.2016**

**Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan jumlah pelaburan dan bentuk aset Syarikat Milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan unjuran prestasi pelaburan tersebut untuk tempoh lima dan sepuluh tahun akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua, sehingga 31 Disember 2015, jumlah keseluruhan pelaburan oleh syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah sebanyak RM204.40 bilion. Berdasarkan jumlah ini 73 peratus pelaburan tersebut adalah melalui Khazanah Nasional Berhad yang merupakan syarikat pelaburan strategik negara. Bagi unjuran prestasi pelaburan oleh syarikat MKD pula, ia

adalah berbeza berdasarkan portfolio pelaburan syarikat masing-masing di mana ia bergantung pada tujuan, tempoh masa dan jenis pelaburan yang dilaburkan oleh syarikat MKD.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, bentuk aset yang dimiliki oleh syarikat MKD adalah meliputi aset tetap dan aset semasa. Antara bentuk aset yang dimiliki oleh syarikat MKD adalah bangunan, tanah, peralatan pejabat, tunai dan kenderaan pejabat.